



## KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	23/11/2020	MUKA SURAT	:	29
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>			

Sinar Harian 23/11/2020 m/s 29

### Perhilitan akan pasang tanda amaran

**KUALA TERENGGANU** – Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) akan meletakkan papan tanda amaran sementara di Sungai Marang sebagai makluman kepada orang awam tentang kehadiran buaya di sana.

Pengarah Perhilitan Terengganu, Dr Abdul Malek Mohd Yusof berkata, papan tanda amaran itu akan dipasang selepas kakitangan jabatan itu membuat tinjauan dan pemantauan di sungai berkenaan.

“Kawasan itu sebenarnya memang habitat buaya jadi kehadiran haiwan itu di sana bukan perkara pelik. Mungkin musim hujan ini habitatnya sedikit terganggu lalu keluar dan timbul di permukaan.

“Bagaimanapun kita minta orang ramai khususnya pemancing yang selalu ke kawasan sungai supaya lebih berhati-hati bagi mengelak berlakunya kejadian

#### BUAYA DI SUNGAI MARANG

tidak diingini,” katanya kepada *Sinar Harian* semalam.

Abdul Malek berkata, beberapa penemuan buaya turut dilaporkan di beberapa kawasan

di Terengganu sebelum ini termasuk Besut dan Kuala Nerus.

Kelmarin, *Sinar Harian* melaporkan kehadiran buaya di sekitar Sungai Marang sejak lebih seminggu lalu mengemparkan penduduk di sini sekaligus menimbulkan kebimbangan akan tahap keselamatan orang ramai.

Walaupun buaya itu dikatakan tidak mengganggu, namun terdapat dalam kalangan penduduk mengharapkan papan tanda amaran dipasang sebagai langkah keselamatan.

Hassan Basri Yunus, 23, dari Kampung Gong Tepah berkata, beliau mula menyedari kehadiran buaya itu pada 14 November lalu ketika berada di sangkar ikannya yang terletak di Sungai Marang.